

REALITI KEMISKINAN BANDAR DI KALANGAN ASNAF SELANGOR: SATU KAJIAN EMPIRIKAL

Aza Shahnaz Azman

Fadilah Mat Nor

Murni Yunus Mawar

Department of Economics

Faculty of Management & Muamalah

Selangor International Islamic University College

Bandar Seri Putra, Bangi, Selangor, Malaysia

azashahnaz@kuis.edu.my, fadilahmn@kuis.edu.my, mawarmurni@kuis.edu.my

ABSTRAK

Objektif penulisan ini bertujuan untuk menganalisis dua faktor penting penting dalam memperlihatkan kemiskinan bandar di sekitar Selangor. Kemiskinan bandar yang berdasarkan kepada tahap pendapatan garis kemiskinan (PGK) di Selangor yang diunjurkan untuk garis kemiskinan kebangsaan adalah sebanyak RM800. Manakala status kemiskinan bandar yang digazetkan dengan populasi yang tinggi dirujuk di sesebuah tempat yang melangkaui kependudukan seramai 100,000 orang. Oleh itu, kajian ini mendapati antara faktor penting yang mengekang asnaf untuk keluar daripada kemiskinan ialah faktor demografi dan juga faktor sosio-ekonomi mereka. Melalui kajian lapangan dengan sampel seramai 196 yang ditentukan kaedah persampelan *Disproportional-Quota sampling* dimana individu asnaf yang dikaji daripada empat (4) buah mukim mempunyai kebarangkalian yang sama untuk dipilih sebagai responden. Hampir kesemua keputusan menunjukkan bahawa faktor-faktor ini mempunyai kesan positif terhadap kemiskinan bandar.

Kata Kunci: *Kemiskinan bandar, garis kemiskinan, asnaf*

1. Pengenalan

Isu kemiskinan tidak lagi dilihat daripada perspektif luar bandar tetapi kemiskinan yang ketara adalah berada dibandar yang kependudukannya melebihi populasi 100,000 orang dan digazetkan sebagai kawasan urbanisasi oleh kerajaan negeri tempatan (EPU 2013). Malaysia tidak ketinggalan untuk mengalami kejutan kependudukan terutamanya di negeri Selangor dimana tahap urbanisasi telah mencecah sehingga beberapa kawasan yang kependudukan telah melebihi purata urbanisasi tempatan. Antara kawasan yang telah digazetkan oleh kerajaan negeri Selangor sebagai kawasan bandar ialah Daerah Petaling, Daerah Hulu Langat, Daerah Gombak, Daerah Klang, dan Daerah Sepang.

Pelbagai usaha telah dilakukan untuk membasmi kemiskinan selain daripada Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang dirangka dengan matlamat jangka panjang untuk

menstrukturkan kembali masyarakat di Malaysia. Sehingga kini kadar kemiskinan negara menunjukkan penurunan yang memberangsangkan. Tetapi harus diteliti, bahawa kemiskinan di Malaysia masih diukur dengan kemiskinan mutlak iaitu garis kemiskinan berdasarkan kepada garis pendapatan isirumah. Dalam konteks kemiskinan di Malaysia, kemiskinan dijelaskan melalui pendekatan yang utama iaitu daripada perspektif jurang kewangan atau taburan pendapatan. Melalui pendekatan ini juga ia boleh diklasifikasikan kepada dua iaitu kemiskinan yang berbentuk mutlak dan juga kemiskinan relatif (RMK-5). Kemiskinan mutlak diukur melalui pendapatan isi rumah dengan satu tahap yang dipanggil dengan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). Kemiskinan mutlak dilihat dari segi keadaan individu yang tidak mampu untuk menampung keperluan asas bagi kesejahteraan hidup yang paling minimum. Seterusnya, PGK ini berasaskan kepada kebolehpayaan isirumah untuk menikmati keperluan asas mereka yang paling minimum seperti makanan dan minuman, pakaian, keperluan asas yang lain seperti pengangkutan, bahan api perhubungan, kesihatan dan sosial mereka. Sebaliknya kemiskinan yang berbentuk relatif lebih menumpukan kepada agihan pendapatan yang menunjukkan kebolehpayaan isirumah untuk meningkatkan kualiti hidup mereka serta dapat membuat perbandingan mengenai kualiti hidup orang lain. Kesimpulannya konsep kemiskinan ini tidak hanya terhad terhadap isu kewangan dan pendapatan sahaja tetapi lebih luas dimensinya sehingga melihat kepada taraf kualiti hidup

Melihat daripada perspektif Selangor, dengan penetapan yang baharu bagi PGK negeri Selangor adalah sebanyak RM 1500 bagi pendapatan isi rumah. Berbeza dengan Laporan 2013 Unit Perancangan Ekonomi (EPU), Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) untuk Semenanjung Malaysia adalah sebanyak RM520, manakala penetapan Pendapatan Garis Kemiskinan Kebangsaan pula adalah RM830. Perbezaan ini juga dapat dilihat di negeri Sabah dan Sarawak dengan masing-masing sebanyak RM960 dan RM830. Kerajaan negeri telah mengambil langkah menyantuni mereka secara tidak langsung iaitu termasuk yang tergolong sebagai asnaf di Selangor berdasarkan had kifayah yang telah ditetapkan iaitu pendapatan isirumah ketua keluarga kurang daripada RM1500 sebulan. Tanggungjawab untuk menyantuni asnaf fakir miskin kini digalas oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) dalam menguruskan dana zakat di sesebuah negeri. Namun begitu, asnaf yang mendapat zakat bukanlah bersifat kekal, malah agihan zakat hanya dijadikan sebagai batu loncatan untuk mereka keluar daripada sifat kemiskinan.

2. Kemiskinan di Selangor

Kemiskinan harus dilihat dari sudut kaca mata yang berbeza. Perbandingan antara kemiskinan dibandar dan luar bandar amat berbeza pendekatannya kerana aksesibiliti dibandar lebih memenuhi keperluan tingkat kebajikan asnaf. Waima, kemiskinan relatif masih wujud kerana taraf hidup yang berbeza walaupun menggunakan perkhidmatan yang sama. Umum mengetahui bahawa golongan asnaf memerlukan bantuan agar mereka dapat keluar daripada cengkaman kemiskinan yang disebabkan oleh peningkatan taraf hidup yang tinggi di kawasan bandar. Walaupun dengan peningkatan kutipan zakat yang semakin tinggi tetapi agihan juga seiring mengikut tujuh asnaf yang telah ditetapkan. Setiap agihan ini adalah bersandarkan kepada program pembangunan asnaf yang merangkumi pendidikan, sosial, insan, ekonomi dan untuk institusi keagamaan. Oleh itu, pihak institusi zakat harus meneliti pendekatan agar dasar-dasar yang dibentuk dapat menyelesaikan belenggu kemiskinan ini.

Jadual 1. Bilangan Keluarga Asnaf Fakir Miskin bagi Tahun 2013-2014

| Daerah | 2013 | 2014 | Peningkatan (%) |
|----------------|--------|--------|-----------------|
| Klang | 3,947 | 6,470 | 93.9 |
| Petaling | 5,155 | 6,885 | 33.5 |
| Kuala Langat | 2,738 | 3,257 | 18.9 |
| Sepang | 1,143 | 1,521 | 33.1 |
| Hulu Langat | 5,183 | 10,957 | 100 |
| Gombak | 2,124 | 2,460 | 15.8 |
| Hulu Selangor | 3,039 | 3,451 | 13.6 |
| Kuala Selangor | 3,853 | 4,535 | 17.7 |
| Sabak Bernam | 3,768 | 4,125 | 9.5 |
| Jumlah | 30,950 | 43,661 | |

(Sumber: Lembaga Zakat Selangor, 2014).

Merujuk Jadual 1, Jumlah keluarga asnaf fakir miskin di Selangor telah mencatatkan tren yang meningkat bagi tempoh dua tahun iaitu daripada tahun 2013 dan 2014. Peratusan peningkatan asnaf daripada sepuluh daerah yang terdapat di Selangor amat membimbangkan, walaupun telah banyak usaha yang dilakukan oleh pihak insitituti zakat dan kerajaan negeri untuk mengurangkan jumlah keluarga asnaf fakir miskin ini. Antara daerah yang diklasifikasikan sebagai daerah bandar dengan kependudukan yang tinggi dengan tahap urbanisasi ialah di daerah Klang, Petaling, Gombak, Hulu Selangor, Sepang dan Hulu Langat. Jumlah peningkatan yang paling tinggi ialah di daerah Hulu Langat yang mencatatkan peningkatan sebanyak 100 peratus diikuti oleh daerah Klang dengan 93.9 peratus berbanding peningkatan yang dikategorikan paling minimum iaitu di daerah Sabak Bernam hanya sebanyak 9.5 peratus dan Hulu Selangor dengan 13.6 peratus.

Asselin dan Anh (2010), petunjuk kemiskinan di Vietnam mendapati indikator yang dapat menghuraikan kemiskinan di Vietnam ialah petunjuk-petunjuk pengangguran seperti penyakit, golongan buta huruf, tiada pendidikan, kediaman, perkhidmatan untuk mengembangkan potensi diri dan juga keperluan asas iaitu kekurangan makanan dan minuman. Kajian ini secara ringkasnya menjelaskan konsep kemiskinan manusia dan kemiskinan dari segi fizikal. Walaupun begitu kajian meraka masih sukar untuk menerangkan darjah kemiskinan tanpa indikator agregat sosio-ekonomi. Jika diteliti kembali, ini merangkumi petunjuk sosial dan ekonomi yang terdapat didalam petunjuk kualiti hidup masyarakat dibandar.

Perbincangan oleh Norzita dan Hadijah (2014), pengukuruan kemiskinan di Malaysia masih lagi tidak mengambil kira mengenai darjah kesejahteraan hidup, dengan mengabaikan perbezaan kesejahteraan diantara isi rumah dengan andaian setiap isi rumah berkemungkinan mengalami situasi yang sama. Berbeza dengan pengukuran kemiskinan multidimensi yang lebih fleksibel dan bersesuaian dengan situasi dan keadaan kemiskinan yang hendak dikaji. Ringkasnya, kadar kemiskinan kewangan atau pendapatan lebih rendah berbanding kadar kemiskinan multidimensi dan wujud juga golongan yang tidak miskin dari segi pendapatan tetapi dikategorikan miskin dari sudut kemiskinan multidimensi. Seperti Indeks Kesejahteraan Hidup Malaysia (1999), hanya menggambarkan tingkat kemajuan sesebuah negara tetapi tidak mengambil kira gambaran hidup individu secara langsung yang berkaitan dengan kesejahteraan hidup mereka. Indeks kualiti hidup ini perlu ke arah yang lebih multidimensi yang merujuk

kepada kualiti hidup sebagai petunjuk indeks pembangunan ekonomi dan sosial yang sedia ada.

Seterusnya kajian oleh Patmawati (2008), penggunaan indeks *Gini-Coefficient* iaitu indeks pengukuran jurang pendapatan, mendapati, agihan zakat telah menunjukkan penurunan ketidakseimbangan pendapatan di beberapa buah negeri di Malaysia. Kajian ini juga merumuskan bahawa zakat agihan pendapatan mampu memperbaiki jurang dalam kalangan para pengeluar padi di Malaysia. Beliau telah menggunakan indeks *Atkinson*, *Keluk Lorenz* dan *Gini Indeks* bagi membuktikan kesan positif agihan zakat dalam memperbaiki ketidakseimbangan agihan pendapatan dikalangan asnaf fakir dan miskin di Selangor. Hujahan ini dibuktikan melalui agihan dana zakat di Pakistan oleh Jehle (1994), dengan menggunakan kaedah AKS yang mendasari konsep “*equally distributed equivalent income*” mampu mengurangi jurang pendapatan. Walaupun peratusan penurunan tersebut adalah kecil namun hasil kajian tersebut menunjukkan kesan zakat telah mengurangi ketidakseimbangan pendapatan di Pakistan. Disiplin ilmu zakat dengan pembuktian-pembuktian yang lain menyimpulkan bahawa, zakat mampu mengurangi ketidakseimbangan jurang pendapatan dan juga berpotensi mengeluarkan golongan fakir dan miskin dari kancah kemiskinan. Tumpuan harus diberikan melalui peringkat pelaksanaan program-program bantuan agar kesan agihan zakat dapat dipertingkatkan ke tahap yang lebih baik.

3. Faktor Demografi Kemiskinan

Penyelidikan ini secara keseluruhannya mengkaji dan menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi kemiskinan di kalangan penduduk di Selangor. Namun begitu, penjelasan yang lebih lanjut hanya tertumpu kepada faktor profil demografi serta faktor profil sosio ekonomi asnaf di Selangor.

Berdasarkan Jadual 2, lokalisasi kajian lebih tertumpu kepada kawasan bandar (72.4%) berbanding kawasan di luar bandar (27.6%). Ini adalah kerana kualiti hidup yang dikaji adalah berdasarkan kawasan bandar dimana ia berkait rapat dengan tahap fasiliti atau kemudahan yang disediakan oleh pihak perbandaran untuk keperluan rakyat setempat. Kajian-kajian lepas menyatakan kemudahan fasiliti yang stabil mampu mencorakkan kualiti hidup rakyat yang lebih baik. Ia bertepatan dengan kajian ini iaitu kualiti hidup asnaf lebih tertumpu kepada asnaf yang berada di kawasan bandar. Berdasarkan pendapatan garis kemiskinan negara (EPU, 2013) menyatakan individu yang menerima pendapatan kurang daripada RM850 maka mereka diiktirafkan sebagai miskin bandar. Waima, Selangor sendiri telah mengambil langkah inisiatif untuk meningkatkan pendapatan garis kemiskinan ini kepada tahap yang lebih tinggi iaitu RM1500 sebulan maka lebih ramai asnaf yang menerima bantuan daripada kerajaan negeri untuk meneruskan kelangsungan hidup di kawasan bandar.

Berbalik kepada faktor demografi yang dikaji seterusnya ialah jantina lelaki adalah seramai 80 orang iaitu menyamai 40.8 peratus berbanding asnaf perempuan seramai 116 orang dengan kadar peratusan sebanyak 59.2 peratus. Seterusnya, majoriti umur responden adalah berada dalam lingkungan 41 tahun hingga 50 tahun (38.8%), manakala peringkat umur kedua tertinggi adalah diantara 51 tahun hingga 60 tahun (29.6%). Dua lingkungan kategori umur ini telah mencatatkan kedudukan yang paling tertinggi sebagai asnaf di Selangor. Manakala asnaf yang berumur diantara 20 tahun hingga 40 tahun hanya mencatatkan peratusan sebanyak 17.9 peratus iaitu ketiga tertinggi berbanding daripada kategori lain yang telah dinyatakan. Peratusan individu

yang dianggap sebagai asnaf ini kurang dikalangan belia adalah disebabkan oleh mereka masih tidak mempunyai tanggungan yang melepasi batasan pendapatan yang diperolehi.

Jadual 2. Profil Demografi Responden

| Latar Belakang | | Kekerapan | Peratusan (%) |
|----------------|--|-----------|---------------|
| Kawasan | Bandar | 142 | 72.4 |
| | Luar Bandar | 54 | 27.6 |
| Jantina | Lelaki | 80 | 40.8 |
| | Perempuan | 116 | 59.2 |
| Umur | 20 tahun – 40 tahun | 35 | 17.9 |
| | 41 tahun – 50 tahun | 76 | 38.8 |
| | 51 tahun – 60 tahun | 58 | 29.6 |
| | 61 tahun – 70 tahun | 19 | 9.7 |
| | 71 tahun – 80 tahun | 8 | 4.1 |
| Status | Bujang | 6 | 3.1 |
| Perkahwinan | Berkahwin | 125 | 63.8 |
| | Duda/Janda | 65 | 33.2 |
| Pendidikan | Sijil Rendah Pelajaran (SRP) | 67 | 34.2 |
| | Sijil Pendidikan Malaysia (SPM) | 74 | 37.8 |
| | Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) | 1 | 0.5 |
| | Sijil / Diploma | 5 | 2.6 |
| | Lain-lain (tiada pelajaran formal) | 49 | 25 |

(Sumber: Kajian Lapangan 2015)

Rentetan daripada kategori umur tadi, kajian mendapati juga majoriti asnaf adalah dikalangan yang berkahwin dengan catatan sebanyak 63.8 peratus berbanding duda/janda dengan peratusan hanya sebanyak 33.2 peratus. Hanya 34.2 peratus mencatatkan kadar peratusan pendidikan diperingkat Sijil Rendah Pelajaran (SRP), berbanding asnaf yang mempunyai pelajaran Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan bilangan sebanyak 74 orang (37.8%). Manakala golongan asnaf yang tidak berpelajaran hanya mencatatkan bilangan sebanyak 49 orang iaitu 25 peratus daripada keseluruhan asnaf yang dikaji. Ini menunjukkan majoriti asnaf mempunyai sekurang-kurangnya pendidikan diperingkat sekolah menengah. Sehubungan dengan itu, pihak insitusi telah mengagihkan bantuan dari segi pendidikan untuk anak-anak asnaf di sekitar Selangor dengan 31 peratus bantuan pendidikan dengan catatan agihan sebanyak RM60.5 juta yang meliputi semua peringkat seperti pra sekolah atau tadika sehinggalah ke peringkat yang tinggi di universiti (Laporan Zakat, 2014).

Seterusnya, daripada Jadual 3, adalah mengenai profil sosio ekonomi responden. Daripada jadual ini, jelas menyatakan, majoriti pekerjaan mereka adalah disektor swasta dengan peratusan sebanyak 39.8 peratus dan juga bekerja sendiri (29.1%). Antara pekerjaan sendiri yang dilakukan oleh individu asnaf adalah seperti berniaga kecil-kecilan dan juga sebagai pengasuh anak. Maka bertepatan dengan hasil pendapatan yang diterima dianggarkan sejumlah RM1001 hingga ke RM1500 dengan peratusan sebanyak 38.8 peratus. Peratusan ini dikatakan paling tinggi berbanding peratusan (34.2%) yang kedua tertinggi dengan jumlah sebanyak RM501 hingga RM1000 yang diterima dikalangan asnaf.

Jadual 3: Profil Sosio Ekonomi Responden

| | | Kekerapan | Peratusan % |
|-----------------------|-----------------|------------------|------------------------|
| Sektor Pekerjaan | Kerajaan | 4 | 2.0 |
| | Swasta | 78 | 39.8 |
| | Sendiri | 57 | 29.1 |
| | Lain-lain | 57 | 29.1 |
| Anggaran Pendapatan | Kurang RM500 | 33 | 16.8 |
| | RM501 – RM1000 | 67 | 34.2 |
| | RM1001 – RM1500 | 76 | 38.8 |
| | RM1501 – RM2000 | 15 | 7.7 |
| | Lebih RM2001 | 5 | 2.6 |
| Anggaran Perbelanjaan | Kurang RM500 | 34 | 0.5 |
| | RM501 – RM1000 | 49 | 16.8 |
| | RM1001 – RM1500 | 76 | 25.0 |
| | RM1501 – RM2000 | 30 | 38.8 |
| | RM2001 – RM2500 | 4 | 15.3 |
| | Lebih RM3000 | 3 | 2.0 |
| Bilangan Tanggungan | 1-3 orang | 64 | 32.1 |
| | 4-7 orang | 109 | 55.6 |
| | 8-12 orang | 24 | 12.2 |

(Sumber: Kajian Lapangan 2015)

Bagi maklumat profil responden mengenai anggaran perbelanjaan sebulan mencatatkan kadar peratusan yang tinggi dalam menyatakan bahawa perbelanjaan responden untuk isi rumah melebihi pendapatan yang mereka terima sebulan. Antara anggaran perbelanjaan yang menunjukkan peratusan yang tertinggi ialah perbelanjaan mereka melangkaui kadar RM1001 hingga RM1500 sebulan (38.8%). Manakala perbelanjaan yang memerlukan kewangan yang lebih tinggi ialah sehingga RM1501 hingga RM2000 (15.3%). Sehingga ada yang mencecah perbelanjaan bulanan hingga melebihi RM3000 (1.5%). Ini dapat menggambarkan bahawa pola perbelanjaan asnaf adalah tinggi bersamaan dengan anggaran pendapatan bulanan mereka.

Antara faktor yang mendorong kepada perbelanjaan yang semakin tinggi adalah taraf hidup urbanisasi dikawasan bandar dan juga bilangan tanggungan isi rumah. Dapatan telah mencatatkan bilangan tanggungan isi rumah asnaf adalah sebanyak empat hingga tujuh orang isi rumah. Tanggungan ini meliputi suami, isteri, anak-anak serta ibu bapa yang tinggal serumah bersama ketua keluarga. Peratusan paling tertinggi mencatatkan tanggungan yang ramai adalah sebanyak 55.6 peratus, manakala bilangan tanggungan yang paling ramai dengan bilangan isi rumah melebihi lapan orang hingga dua belas orang sebanyak 12.2 peratus sahaja. Berbanding dengan bilangan tanggungan yang ditanggung oleh ketua isi rumah seramai satu hingga tiga orang (64%) iaitu peratusan kedua yang tertinggi secara purata di Selangor.

4. Kesimpulan

Isu kemiskinan tidak hanya tertakluk kepada mereka yang benar-benar miskin dan tidak mampu untuk menyara keluarga tetapi pendefinisan sebenarnya amat luas dan ia merangkumi ketidakupayaan isi rumah untuk berinteraksi bersama persekitaran. Hal ini akan menyebabkan mereka lebih terpinggir dan seterusnya akan memudaratkan ekonomi negara. Isu miskin bandar juga perlu dipandang secara serius kerana 2/3 atau 70 peratus penduduk tinggal di kawasan bandar sera menggunakan fasiliti yang disediakan oleh kerajaan tempatan. Kajian ini mendapati faktor penyumbang kepada kemiskinan selain daripada faktor mutlak iaitu kewangan ialah faktor pendidikan, faktor pendidikan dan juga bilangan isi rumah yang agak besar. Kajian Fong (1989) di pertengahan 1980-an telah memperlihatkan kawasan Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Kota Bharu dan juga Johor Bahru juga mempunyai faktor-faktor yang sama.

Hasil daripada Osman Rani dan Abdul Majid (1991) juga mengesahkan bahawa kemiskinan dibandar adalah disebabkan oleh faktor yang tersenarai tersebut. Selain daripada itu, faktor jantina juga mencorakkan kembali isu kemiskinan yang masih ditertumpu dikalangan wanita berbanding ketua isi rumah lelaki. Ini adalah kerana faktor seperti pendidikan, kebolehan serta kemahiran, penyakit, faktor sosial lebih menjerumuskan mereka kearah kemiskinan bandar. Wanita ibu tunggal yang terpaksa menanggung isi keluarga yang ramai juga adalah salah satu faktor dominan kepada isu kemiskinan bandar. Faktor-faktor sebegini harus diberi perhatian oleh pihak institusi zakat, dalam memberi bantuan yang sewajarnya untuk meringankan bebanan mereka di kawasan bandar. Dengan pendekatan yang menyeluruh serta program-program intensi dari pihak institusi mampu memerangai isu kemiskinan ini juga akan memperbaiki keadaan sosio-ekonomi umah Islam di negeri Selangor.

Rujukan

- Asselin, L. M. & Anh, V. T. (2010). Multidimensional poverty monitoring: A methodology and implementation in Vietnam. *Vietnam's Socio-Economic Development Review* 38.
- Fuadah Johari, Ahmad Fahme Mohd Ali, Muhammad Ridhwan Ab. Aziz, & Nursilah Ahmad. (2014). The importance of zakat distribution and urban-rural poverty incidence among muallaf (New Convert). *Asian Social Science*, Vol. 10, No. 21.
- Jahle, Geoffrey A. (1994). Zakat and Inequality: Some evidence from Pakistan, *Review of Income and Wealth*, Series 40, Number 2, June.
- Kualiti Hidup Malaysi (1999). Unit Perancangan Ekonom, Malaysia.
- Laporan Zakat Selangor (2013). Lembaga Zakat Selangor.
- Laporan Zakat Selangor (2014) Lembaga Zakat Selangor.
- Norzita, J. & Hadijah, N. (2014). Realiti kemiskinan: Satu kajian teoritikal. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 48:167-177.
- Patmawati Ibrahim. (2008). Pembangunan ekonomi melalui agihan zakat: tinjauan empirikal, *Jurnal Syariah*, Vol. 16, No. 2 (223-244).
- Patmawati Ibrahim. (2006). Economic role of zakat in reducing income inequality and poverty in Selangor, PhD Thesis, Faculty of Economics and Management, Universiti Putra Malaysia.
- Unit Perancang Ekonomi (2013). Laporan Kesejahteraan Rakyat Malaysia. Percetakan Nasional Malaysia Berhad.